



LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
2009

لپورن  
پنل انوگره  
ساستره  
نغار  
2009

LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
2009





# LAPORAN

PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

# 2009

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2009



Cetakan Pertama 2009  
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2009

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka. Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak oleh  
Percetakan Rina  
45, Persiaran Mewah  
Bandar Tun Razak, Cheras  
56000 Kuala Lumpur.



# KANDUNGAN

Prakata	vii
Anggota Panel Anugerah Sastera Negara	ix
Pendahuluan	3
Cerpen	8
Drama	18
Novel	29
Puisi	38
Kritikan dan Esei	42
Lampiran	
Biodata	49
Karya dalam Akhbar/Majalah	57
Tulisan tentang Anwar Ridhwan	72





## PRAKATA

BUKU laporan ini adalah sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara ke-10 yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

Pada tahun 1981, telah diterbitkan buku laporan seumpama ini tentang Keris Mas, penerima Anugerah Sastera Negara yang pertama, diikuti oleh Shahnnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), dan S. Othman Kelantan (2003).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam “Warkah Dasar” Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi “syarat-syarat mengemukakan calon” yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut, penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera, dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Syarat-syarat di atas ialah dasar yang menjadi perhatian utama ahli-ahli Panel Anugerah Sastera Negara ke-10 ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis yang layak, yang akan menerima Anugerah ini. Panel telah mengadakan beberapa perbincangan untuk meneliti sumbangan serta kekuatan calon. Panel akhirnya memilih sasterawan **Anwar**





**Ridhwan** sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke-10, tahun 2009.

Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada **Anwar Ridhwan** ialah:

- i. Warkah penghormatan negara.
- ii. Wang tunai sebanyak RM60,000.00.
- iii. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta.
- iv. Kemudahan untuk penerbitan karya.
- v. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.
- vi. Penerbitan karya penerima Anugerah tidak kurang daripada 50,000 naskhah untuk dibeli oleh kerajaan dan disebar dengan luasnya ke sekolah-sekolah, perpustakaan-perpustakaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensinya kerajaan.
- vii. Kemudahan untuk dipertimbangkan menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka.
- viii. Terjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.

Dengan ini, **Urus Setia** mempersembahkan laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan **Anwar Ridhwan** yang telah disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara ke-10.

**Urus Setia**  
**Panel Anugerah Sastera Negara**



# ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

## *PENGERUSI*

YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein (Januari 2005 – April 2009)

YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin (April 2009 – kini)

Menteri Pelajaran Malaysia

## *TIMBALAN PENGERUSI*

YBhg. Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah (Mei 2005 – Mei 2008)

YBhg. Dato' Haji Termuzi Haji Abdul Aziz (Mei 2009 – kini)

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka

## *SETIAUSAHA*

Tuan Haji Abdul Rahman Yusof (Januari 2005 – Mei 2006)

Puan Hajah Izzah Abdul Aziz (Disember 2006 – kini)

Pengarah Jabatan Sastera

Dewan Bahasa dan Pustaka

## *PENOLONG SETIAUSAHA*

Puan Hajah Zalila Sharif (Januari 2005 – Disember 2008)

Puan Hajah Zaiton Haji Ajamain (Disember 2008 – kini)

Ketua Bahagian Pengembangan Sastera

Dewan Bahasa dan Pustaka

## *PANEL*

Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar

Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh

Prof. Dato' Dr. Haji Hashim Awang

Prof. Madya Dr. Sohaimi Abd. Aziz

Prof. Madya Dr. Haji Rosli Talif

Dr. Krishanan Maniam

Dr. Zawiah Yahya

Dr. Wong Soak Koon





**LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
2009**





## PENDAHULUAN

“Mencipta karya yang bermutu menurut teori sastera Melayu dan menurut piawaian antarabangsa” merupakan cita-cita Anwar Ridhwan, Sasterawan Negara ke-10 ini. Beliau juga ialah penerima S.E.A. Write Award 2002. Dalam tempoh empat dekad yang lalu, beliau menulis cerpen, drama, novel, puisi, esei dan kritikan, di samping mengarah beberapa buah drama pentas.

Anwar Ridhwan atau nama sebenarnya Mohd. Anwar bin Haji Rethwan dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Parit Satu Timur, Sungai Besar, Selangor. Bapanya dilahirkan di Ayer Itam, Pulau Pinang, dan dibesarkan di Bagan Serai, Perak. Ibunya berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Ibu bapanya berpindah ke Sungai Besar, Selangor, membuka kampung dan sawah baharu. Anwar Ridhwan merupakan anak bongsu daripada enam beradik. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Besar (1956-1962), pendidikan menengah di Sekolah Ungku Aziz, Sabak Bernam, Selangor (1963-1967), dan tingkatan enam di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur (1968-1969). Anwar Ridhwan melanjutkan pengajiannya ke Universiti Malaya (1970-1973) sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda (1973), Ijazah Sarjana (1983) dan Ijazah Doktor Falsafah (1998).



Anwar Ridhwan berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pada mulanya sebagai pegawai sementara (Februari–April 1973), sebelum dilantik sebagai pegawai tetap mulai 2 Mei 1973. Selama kira-kira 30 tahun perkhidmatannya di DBP, beliau pernah menjadi pegawai penyelidik, anggota sidang editor majalah *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*; menjadi Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Timbalan Ketua Pengarah, dan Pengarah Penerbitan, sehinggalah beliau bersara wajib pada 4 Ogos 2005.

Anwar Ridhwan pernah mengikuti kursus pengurusan dan penerbitan buku di New York University, Manhattan, Amerika Syarikat (September–Disember 1982); International Writing Program di University of Iowa, Amerika Syarikat (September–Disember 1986); menyertai Pertemuan Penyair Dunia di Struga, Yugoslavia (Ogos 1988); menjadi tetamu Persatuan Penulis Soviet (September/Oktobre 1988); membentangkan makalah “Adventure Into The Soul of The Early 20th Century Malays: Collection of Malay Pantuns Hans Overbeck” di Universitat Bremen, Jerman (18-19 Ogos 1994), dan berkhidmat sebagai Profesor Pelawat di Tokyo University of Foreign Studies, Jepun (April 1997–Mac 2000).

Anwar Ridhwan juga seorang aktivis kesusasteraan. Ketika menjadi mahasiswa, beliau turut mengasaskan Ikatan Sastera Universiti Malaya (ISUM) pada tahun 1971, dan pernah menjadi Setiausaha I GAPENA. Beliau merupakan Setiausaha Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV (Kuala Lumpur, 7-10 Disember 1984). Anwar Ridhwan pernah memimpin PENA dan menjadi Ketua Satu Persatuan Penulis Selangor. Di samping itu, beliau juga melibatkan diri dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti menjawat tugas Naib Pengerusi Persatuan Persahabatan Malaysia-China (2005–2007), Timbalan Presiden Dewan Industri Buku Melayu Malaysia (2006–kini), dan Timbalan Presiden Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (2005–kini).



Anwar Ridhwan ialah sasterawan yang berbakat besar dan berjaya dalam penulisan cerpen, novel, puisi dan skrip drama pentas. Beliau beberapa kali memenangi Hadiah Karya Sastera dan Hadiah Sastera Malaysia melalui cerpennya “Perjalanan Terakhir” (1971), “Dunia Adalah Sebuah Apartmen” (1973), “Sesudah Perang” (1976), “Sasaran”, “Sahabat”, dan “Menjadi Tua” (1982/83). Cerpennya “Dari Kijev ke Moskva” memenangi hadiah pertama peraduan cerpen DBP-Maybank. Karya Anwar Ridhwan dalam bentuk cerpen diterbitkan dalam kumpulan *Parasit* (DBP, 1976); *Sesudah Perang* (DBP, 1978); dan *Sangkar* (1986). Cereka awalnya memberatkan aspek intelektual dan eksperimental, sebagaimana karya-karya Gunter Grass, pengarang Jerman, yang secara tekal mencabar *status quo* dan mempersoalkan cara kita “membaca” masa lampau.

Novel Anwar Ridhwan yang berjudul *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (DBP, 1979) memenangi hadiah pertama Peraduan Mengarang Novel anjuran Yayasan Sabah-GAPENA II. Pada keseluruhannya novel ini melukiskan konflik jiwa tokoh pelipur lara kerana ancaman terhadap seni dan idealnya. Di samping itu, digambarkan juga kehidupan masyarakat desa yang terpencil dan bimbang akan akibat Perang Dunia Kedua. Novel ini memperlihatkan penguasaan yang seimbang antara isi, teknik dengan adunan bahasa. Karya ini telah diadaptasi menjadi drama pentas oleh Johan Jaaffar, dan drama TV oleh Mior Hashim Manap. Novel ini juga telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Perancis, dan Urdu serta diterbitkan dalam bentuk audio (melalui pembacaan dramatis Baharuddin Haji Omar) untuk mereka yang cacat penglihatan.

Novel *Arus* (Pustaka Cipta, 1985) memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/85. Karya ini telah diadaptasi menjadi drama TV oleh Abdul Aziz HM. Novel *Arus* telah diterjemahkan ke bahasa Perancis, Inggeris dan Thai. Skrip drama Anwar Ridhwan yang berjudul *Orang-orang Kecil* (DBP, 1990) dan *Yang Menjelma dan Menghilang* (DBP, 1992) memenangi hadiah utama Peraduan Menulis Drama Yayasan





Seni-Berita Harian 1990. Drama *Orang-orang Kecil* telah dipentaskan di Panggung Sasaran Universiti Sains Malaysia pada 25-26 Januari 1995, arahan Badrul Hisham Darus. *Yang Menjelma dan Menghilang* kemudiannya memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1992/1993. Drama karya dan arahan Anwar Ridhwan ini telah dipentaskan di Auditorium DBKL pada 8–13 Jun 2001.

Novel Anwar Ridhwan yang awal, termasuklah *Di Negeri Belalang* (Marwilis Publisher, 1989) dianggap oleh Abdul Rahman Yusof sebagai teks pascamoden. Sementara Umar Junus berpendapat, “*Di Negeri Belalang* memperlihatkan penguasaan teknik penceritaan oleh Anwar. Ceritanya mesti dibaca secara intertekstual dengan cerita lain yang pernah ditulis oleh Anwar...” dan wujudnya kemungkinan “kaitan antara *Di Negeri Belalang* dengan *Naratif Ogonshoto ...* kita dibawa ke dunia yang sepenuhnya wacana, fiktif”.

Anwar Ridhwan juga telah menghasilkan beberapa buku kajian, iaitu *Sudut Pandangan dalam Cereka* (DBP, 1985), *Jati Diri Pasca Asas '50* (DBP, 1996), dan *Ahmad Kotot: Pengarang Novel Hikayat* (DBP, 2006).

Novel Anwar Ridhwan, *Naratif Ogonshoto* (Matahari, 2001) memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia bagi tahun 2002/2003 dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) 2002. Novel ini telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Rusia dan China. Awang Azman Awang Pawi ketika menanggapi *Naratif Ogonshoto* antara lain menyebutkan bahawa, “Apabila mendekati dunia *Naratif Ogonshoto*, kita seolah-olah menghampiri *Sejarah Melayu...* Persamaan dengan unsur *magnum opus* berlaku kerana latar kepengarangan Anwar yang begitu menghormati sastera tradisional... Dalam pemikiran pascamoden, karya ini dapat dirujuk sebagai “*rhizome*”, iaitu istilah yang diambil daripada pengertian model pertumbuhan yang tidak mengkhusus atau mentakrifkan diri sebagai konsep yang tunggal dan bersifat metanaratif”.



Umar Junus pula menanggapi *Naratif Ogonshoto* dan karya-karya lain Anwar Ridhwan dalam konteks, “Anwar lebih melihat khalayaknya intelektual yang dapat melakukan sesuatu. Tugas Anwar Ridhwan hanya melukiskan sesuatu yang memerlukan tindakan intelektual”. Beliau juga berpendapat *Naratif Ogonshoto* sebagai karya cereka Malaysia yang terbaik.

*Tercipta dari Tanah* ialah kumpulan puisi Anwar Ridhwan. Karyanya yang lain banyak diterbitkan dalam antologi bersama (dalam genre cerpen, drama, esei dan puisi). Sehingga kini, karya-karya kreatif beliau telah diterjemahkan ke dalam lebih 15 bahasa dunia.

Muhammad Haji Salleh berpendapat bahawa karya-karya Anwar Ridhwan dicipta dengan begitu teliti dan bersih. Pengalaman Anwar Ridhwan sebagai editor sastera telah membentuk peribadinya untuk menghasilkan karya yang teliti, indah dan berkesan. Sementara itu, sarjana dan penterjemah, Harry Aveling, berpendapat bahawa “*Anwar’s world is more than of the urban intellectual: more precise, more restrained, at once Malay and international.*”

Pada tahun 2002, Anwar Ridhwan dianugerahi Darjah Dato’ Paduka Mahkota Selangor yang membawa gelaran Dato’. Dato’ Dr. Anwar Ridhwan bersara daripada Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2005. Kini, beliau bertugas sebagai Dekan Fakulti Penulisan, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).



## CERPEN

### Pengenalan

Bakat sastera Anwar Ridhwan pertama kali terserlah dalam karya cerpen dan puisi pada tahun 1971, semasa beliau belajar di Universiti Malaya. Penglibatan dan perkembangan beliau seterusnya boleh diikuti melalui empat buah kumpulan cerpen yang dihasilkannya. Kumpulan cerpennya yang pertama berjudul *Parasit* (1976), diikuti oleh *Sesudah Perang* (1978), *Sangkar* (1986), dan *Dunia Adalah Sebuah Apartmen* (2005). Selain itu, cerpen-cerpen Anwar Ridhwan juga diterbitkan dalam antologi, antaranya *Tinta Perang* (1983), *Selatan* (1983) dan *Alun Mengalung* (1986).

Kumpulan cerpen mutakhir beliau, *Dunia Adalah Sebuah Apartmen* menghimpunkan beberapa buah cerpen daripada kumpulan yang terdahulu. Kumpulan cerpen ini menyediakan ruang yang cukup luas dan rencam untuk didekati, didalami, difahami dan dinilai. Beberapa buah cerpen daripada kumpulan itu ialah bibit untuk episod novelnya. Misalnya, beberapa bab dalam novel *Di Negeri Belalang* (1989), ditransformasikan daripada cerpen “Tik!Tik!Tik!”.

### Jaringan Realisme dalam Cerpen Awal

Anwar Ridhwan mula menulis cerpen pada tahun 1971. Antara cerpen awalnya ialah “Perjalanan Terakhir” (*Dewan*



*Masyarakat*, 1971), “Hati” (*Mastika*, Ogos 1972), “Perjalanan Kedua” (*Dewan Sastera*, Jun 1972) dan “Dunia Adalah Sebuah Apartmen” (*Dewan Sastera*, Mac 1973). Cerpen-cerpen awal ini padat dengan unsur realistik. Sungguhpun demikian, pada waktu yang sama beliau mula bereksperimen dengan teknik lebih baharu, misalnya, menggunakan teknik aliran kesedaran.

Unsur-unsur realistik dapat dikesan apabila beliau cuba melukiskan kehidupan sebenar. Misalnya, “Perjalanan Terakhir” mengisahkan seorang suami yang lumpuh kedua-dua belah kakinya. Dia cemburu apabila seorang mahasiswa hadir di rumahnya. Sejak itu sering berlaku pertengkaran antara suami isteri, yang akhirnya menyebabkan kemalangan kecil pada si suami. Cerpen “Hati” pula meneroka kejujuran manusia yang langka. Watak narator yang mati dibunuh diberikan keupayaan menelaah bagaimana hati tunangnya boleh berubah setelah kematiannya, dan ibu bapanya tidak lagi bersedih. Cerpen ini cuba meneropong kehidupan manusia dari alam roh, yang barangkali lebih jujur dan tepat dalam penilaiannya berbanding dengan alam dunia yang palsu, seperti yang dibisikkan oleh protagonis ini: “Perjalanan rohku malam ini tak ketentuan. Di sana ada cahaya terang, barangkali Yang Esa” (Anwar Ridhwan, 1976: 6).

Sebuah cerpen yang luar dari kebiasaan telah ditulis oleh Anwar Ridhwan pada tahun 1970-an. Cerpen yang dimaksudkan ialah “Sesudah Perang”. Dalam cerpen ini pengarang berjaya memperlihatkan dua dunia yang sedang berperang ditempatkan di dalam hati seorang wanita bernama Masitah. Dia telah dinodai oleh seorang lelaki hingga dia mengandung. Pengarang menyamarkan identiti lelaki itu hingga pembaca harus menerka siapa dia, sama ada seorang askar Jepun atau pun bekas kekasihnya. Cerpen ini meninggalkan sebuah ruang untuk pembaca terus mentafsir.

Peristiwa gelap ini telah dirahsiakan sehingga anak yang dilahirkan dewasa. Rahsia yang disimpan itu dipikulnya sebagai suatu beban yang perit, sehingga sering mengganggu



perasaannya. Perang fizikal yang didengar dari deruan kapal-kapal terbang menuju *Syonan-to* juga menjadi perang di dalam hatinya. Namun apabila perang fizikal tamat, perang di hati masih berterusan.

Demikian juga pengalamannya sepanjang membesarkan anaknya, Jali, Masitah terpaksa bergulat dengan rahsianya. Namun setelah Jali berangkat ke Jepun untuk meneruskan pelajarannya, dia serta-merta berasa bebas daripada derita yang disebabkan oleh tekanan emosi yang dirahsiakan itu. Cerpen ini memperlihatkan kekuatan Anwar Ridhwan menggarap cerita yang dibangunkan dengan pendekatan psikologi. Selain tiga buah cerpen tersebut beberapa cerpen yang lain juga jelas berunsurkan realisme, antaranya ialah “Sehari dalam Hidup Jingat,” “Jambu Anak Sungai” dan “Dinihari.”

### **Dari Realisme ke Symbolisme**

Cerpen-cerpen Anwar Ridhwan beralih angin kepada bentuk eksperimen dengan menggunakan pendekatan simbolik, yang berteraskan lambang seperti dalam cerpen “Dunia Adalah Sebuah Apartmen,” “Sang Rusa, Harimau dan Singa” dan “Tik! Tik! Tik!” Cubaan bereksperimen ini sudah mula maju ke arah yang matang. “Dunia Adalah Sebuah Apartmen” mengemukakan apartmen sebagai satu simbol kehidupan manusia. Apartmen adalah dunia yang sempit, panas, seragam bentuknya dan kuat pengaruh Baratnya. Kehidupan yang cuba digambarkan ialah kehidupan yang dipengaruhi oleh cara dan nilai Barat seperti seks bebas dan ketagihan arak. Kehidupan watak-wataknya berkisar pada keseronokan semata-mata.

Cerpen “Dunia Adalah Sebuah Apartmen” mengemukakan persoalan filosofikal. Cerpen ini mengisahkan Azwar yang wujud hanya untuk berseronok dengan wanita dan arak. Janji yang dibuat oleh Azwar hanyalah janji untuk dimungkiri, seperti janjinya kepada Agnes. Agnes pula tidak mungkin dapat mengharap masa depan yang bahagia atau jelas kerana dia tahu bahawa semua kata-kata Azwar itu palsu. Keseronokannya tidak berakar pada cinta yang sejati. Bagi



Agnes, tidak ada kepastian dalam hidup berkasih sayang kerana semuanya mencurigakan. Pada suatu peristiwa, Azwar bertanya kepada Agnes: “Telah aku lihat dan rasai hidupmu di apartmen Jaffe Road itu. Tidak ada belas kasihan dan kedamaian. Apakah cintamu telah berakhir di apartmen itu?” (Anwar Ridhwan, 2005: 132).

Dalam cerpen yang bertajuk “Sang Rusa, Harimau dan Singa” pula, Anwar Ridhwan menjadikan kehidupan haiwan di dalam zoo sebagai pembayang kehidupan manusia. Rusa, harimau dan singa ialah simbol yang dianugerahi dengan makna khusus. Pengarang menekankan betapa kehidupan haiwan itu sangat terkongkong dan membosankan, dan cara begini tidak jauh berbeza daripada kehidupan manusia yang dikekang oleh pelbagai hambatan sehingga mereka sukar untuk bersuara dan memilih. Kuasa luarlah, yang akhirnya, menentukan segala yang dilakukan dan difikirkan oleh mereka.

Cerpen “Tik! Tik! Tik!,” ialah sebuah cerita yang agak aneh. Cerpen ini mengisahkan tentang kandungan bayi seorang wanita yang diibaratkan sebagai sebiji bom yang hidup, dan berdetik-detik. Ada beberapa tafsiran yang boleh dibuat terhadap cerpen ini kerana ia sesuai dengan aliran simbolisme yang mengundang pelbagai tafsiran yang munasabah. Salah satu daripadanya ialah bom yang berdetik di dalam perut seorang wanita boleh disimbolkan sebagai anak luar nikah yang dikandung oleh seorang wanita yang menanti masa untuk melahirkannya hasil daripada kegiatan seks bebas. Kekalutan terlihat apabila sekumpulan manusia cuba mematikan bom yang sedang berdetik itu dan peristiwa ini dapat diumpamakan sebagai kekalutan manusia untuk menghalang kelahiran bayi itu. Lebih dahsyat lagi ada di antara mereka ingin memastikan anak itu tidak lahir kerana dia akan memalukan atau membawa malapetaka kepada masyarakat dan jika lahir pun bayi itu mesti dinyahkan.

Persoalan yang lebih besar iaitu mengenal pasti punca bagaimana seks bebas berlaku itu tidak ditangani dengan segera dan bijaksana. Persoalan yang lebih mendasar ini diabaikan.



Samalah seperti usaha-usaha rancak dibuat untuk memamatkan bom berkenaan. Cerpen ini dapat dilihat sebagai bukan sahaja sebuah cerpen simbolik tetapi juga sebuah sindiran yang tajam.

### **Dari Dalam ke Luar: Menemukan Ilham**

Cerpen-cerpen yang berlatarkan kehidupan di luar negara juga menjadi sebahagian daripada identiti cerpen-cerpen Anwar Ridhwan. Pengalamannya semasa di Amerika Syarikat, Jepun, Rusia dan negara lain dijadikan sumber ilhamnya. Karya-karya ini melukiskan persepsi pengarang terhadap kehidupan yang lebih luas dan rancak di luar negara serta menghubungkannya dengan kehidupan tempatan. Antara cerpen itu ialah “Sahabat”, “Minoriti”, “Menjadi Tua”, “Muzik Manhattan”, “Dari Kijev Ke Moskva”, “Puisi Terakhir di Makedonija” dan “Naratif Ogonshoto #7: HERING” mengambil latar kota New York, Rusia dan Jepun. Cerpen “Sahabat,” “Minoriti,” “Menjadi Tua” dan “Muzik Manhattan” berlatar belakangkan kehidupan di kota metropolitan New York, sebuah pusat tumpuan manusia dari segenap pelosok dunia. Pelbagai liku dan sudut pengalaman manusia dapat dikutip dan seterusnya pelbagai tanggapan terhadapnya dapat dibuat bagi menghasilkan cerpen yang menarik.

Cerpen “Sahabat” mengisahkan seorang lelaki yang mengembara dan tiba di kota New York. Di sana dia telah mengusahakan sebuah hotel. Kedatangan sahabat dari kampung asalnya menggugah keperibadiannya. Kota besar itu merobah dirinya menjadi seorang yang mementingkan diri sendiri. Masing-masing menjaga kepentingan sendiri. Permintaan sahabat sekampung dan isterinya yang sarat mengandung untuk menyewa bilik hotelnya tidak dapat ditunaikan oleh Yaakob kerana dia sudah membuat perjanjian lebih awal lagi dengan seorang pelanggan untuk menyewakan bilik berkenaan. Ternyata kehidupan di kota seperti New York bergerak di atas landasan nilai yang lain daripada landasan nilai kampungnya, dan di sana hilang rasa kemanusiaan.



New York terus bertapak dalam beberapa cerpen Anwar Ridhwan yang lain. Kota yang dianggap dapat memberi kehidupan yang lebih baik bagi pendatang tidak menjamin apa-apa sebagaimana yang diharapkan oleh mereka. Misalnya cerpen “Minoriti” mengisahkan dua orang pejuang bangsa iaitu Siddik dan Muslim, yang pernah menjadi mangsa penjajah. Mereka telah melarikan diri dari hutan dan berhijrah ke New York, dan berjanji akan membantu rakan-rakannya dari jauh, dengan membekalkan wang ringgit. Siddik ke New York, dan rakan-rakannya menyangka dia telah membuka restoran dan hidup senang lenang tetapi telah melupakan perjuangan mereka di tanah air. Sangkaan Muslim ini tidak benar, malah Siddik juga hidup susah, tambahan pula isterinya sakit. Perjuangan Siddik di New York dan di tanah airnya ternyata tidak jauh berbeza. Di New York perjuangannya adalah untuk diri dan keluarga tetapi di tanah air perjuangannya adalah untuk bangsanya. Muslim tidak tahu bahawa tidak semua pendatang berjaya di kota mega ini.

Kota New York tidak menjanjikan kebahagiaan untuk semua orang. Ramai juga yang kecewa dan menderita. Ramai yang terpinggir dari arus kehidupan. Cerpen “Menjadi Tua” mengisahkan kehidupan golongan tua yang tersisih dan kesepian. Hassan yang belajar di sebuah universiti di sana dapat melihat betapa ngerinya menjadi tua di kota besar itu. Oleh itu, Hassan tidak mudah menerima cinta Laura Bolan, kerana memikirkan sikap masyarakat yang tidak lagi menghormati dan menyayangi orang tua. Hassan takut nanti keturunannya juga tidak lagi menghormati orang tua.

Cerpen “Muzik Manhattan” pula melukiskan nilai kemanusiaan yang semakin sirna. Keadaan ini digambarkan dengan latar jeritan siren polis dan ambulans. Bunyi siren yang sering kedengaran menandakan ada sahaja manusia yang tercedera dan terkorban. Latar ini memberi isyarat bahawa di kota New York bersarang pelbagai jenayah yang mengerikan. Pembunuhan adalah sesuatu yang lazim. Misalnya, Ganzalez seorang janda yang berkerusi roda berdendam dengan bekas





suaminya setelah dia dipukul dan dimalukan di khalayak ramai. Seorang banduan yang baru keluar penjara diupah untuk membunuh bekas suaminya itu. Begitu mudah manusia terlibat dengan pembunuhan. Muzik Manhattan ialah muzik yang menggambarkan kehidupan yang berbahaya daripada manusia yang rakus. Semakin kerap muzik itu dimainkan, semakin parah pula keadaan keselamatan di sana.

Selain kehidupan di kota besar Amerika Syarikat, Anwar Ridhwan juga membawa pembaca ke Rusia yang terkenal dengan ideologi komunis, serta kekuatan dan keganasan polis rahsianya. Siberia menjadi daerah buangan dan kem buruh paksa - *gulag*. Cerpen "Dari Kijev Ke Moskva," mengisahkan perjalanan kereta api dari stesen Kijev ke Moskva, dan menyalurkan persoalan sejarah kebangsaan Ukraine. Cerita pendek ini umpama catatan sejarah yang disampaikan melalui dialog antara narator dengan seorang guru sejarah, Ivan, yang menjadi teman sekabinnnya. Penceritaannya sarat dengan istilah bahasa Rusia. Sejarah Rusia zaman *glasnost* diberikan ruang besar, kerana inilah zaman yang amat penting, dan memungkinkan negara ini membuka pintu kepada Eropah Barat. "Puisi Terakhir di Makedonija" juga berteraskan sejarah. Dalam kedua-dua cerpen ini, Anwar Ridhwan menyingkap tirai besi yang penuh misteri. Sewaktu membaca cerpen-cerpen ini, khalayak seperti membaca esei-esei sejarah. Namun apabila dihalusi, tersirat di dalamnya persoalan yang lebih mendasar, iaitu persoalan tentang bagaimana kebebasan masih menjadi persoalan penting. Kebebasan bersuara, menguruskan ekonomi, membangunkan pendidikan dan merancang masa depan menjadi isu besar di sebalik tirai besinya.

Jepun juga menjadi sumber ilham buat Anwar Ridhwan. Salah sebuah cerpen yang diilhamkan di Jepun ialah "Naratif Ogonshoto # 7: HERING." Pengaruh bahasa Jepun, melalui kata-kata seperti nama tempat dan istilah budaya memberikan cita rasa budaya Jepun. Persoalannya ialah kerakusan kuasa pemimpin politik yang sanggup membunuh dan menghapuskan mereka yang dilihat berpotensi mencabar kekuasaannya.



Seorang 'politikus muda' rela diperalatkan oleh orang atasannya kerana dia juga bercita-cita untuk meningkat lagi di dalam hierarki politik tanpa mengira caranya. Bagi politikus muda ini, cita-cita politik menghalalkan apa sahaja, hatta pembunuhan. Dia telah membunuh lelaki yang menjadi ancaman kepada kekuasaan politik orang atasannya. Kata politikus muda itu, "Tidak ada bezanya membunuh binatang liar dengan membunuh haiwan politik yang sering mengecam Presiden." (Anwar Ridhwan, 2005: 265).

### **Kepelbagaian Gaya Naratif**

Anwar Ridhwan jelas mempunyai gaya naratif yang tersendiri. Ayat-ayatnya pendek dan kemas serta puitis, yang menjadikan pengucapan cerpennya pantas dan bersahaja. Dalam satu wawancara, beliau menyatakan sewaktu menulis cerpen, beliau selalu kembali kepada puisi, kerana puisi itu padat dan indah. Misalnya di dalam cerpen "Sehari Dalam Hidup Jingga" penggunaan ayat-ayat yang pendek dan padat mengajak pembaca sama-sama merasakan kepantasan gerak cerita, sepantas sehari dalam hidup Jingga, protagonisnya. Begitu juga dengan cerpen "Dunia Adalah Sebuah Apartmen" yang mempunyai pergerakan plot yang cepat kerana ayat-ayat yang membina dialognya pendek dan kemas.

Sementara itu, bahasa yang puitis membawa keindahan khusus kepada karyanya. Hal ini terbukti dalam penggunaan unsur perorangan. Misalnya perorangan berikut: "Sore mulai membaringkan badannya" (Anwar Ridhwan, 1976:1), "... kebimbangan mula memburunya dari belakang, mendekatinya, lalu memukul-mukul hatinya" (Anwar Ridhwan, 1976: 19), "... angin memukul-mukul kaca jendela. (Anwar Ridhwan, 2005: 125), "... kereta api menjerit-jerit dari perut bumi (Anwar Ridhwan, 2005: 170), dan "Kawai Maru, raksasa besi waja yang terapung-apung, beroleng lembut melayan usikan tangan-tangan gelombang. (Naratif Ogonshoto # 7:HERING, dalam Anwar Ridhwan, 2005: 257).



Anwar Ridhwan selalu peka kepada unsur tradisi dan sering memasukkannya ke dalam cerpen, seperti “Puisi Terakhir di Makedonija”. Unsur tradisi yang digunakan itu ialah legenda Raja Iskandar yang dipungut daripada *Sulalatus Salatin*. Di dalam cerpen ini, pengarang terasa bahawa watak Iskandar dari Makaduniah di dalam *Sulalatus Salatin* telah menjelma kembali di Pekan Struga di Makedonija, dengan nama Iskandar Ali. Nama Makedonija ini mengingatkan narator kepada tanah Makaduniah purba yang tersohor, tempat kelahiran Raja Iskandar. Namun kini, Makedonija sudah tergugat oleh masalah perkauman dan perebutan kuasa, yang menghancurkan kesejahteraan Yugoslavia. Makedonija tidak seagung Makaduniah kerana Makedonija adalah nyata dan yang nyata sering berubah dan diubah. Makaduniah pula ialah fantasi yang sengaja diada-adakan sebagai pengungsian daripada realiti yang tidak semestinya indah.

Unsur tradisional juga berakar dalam cerpen “Naratif Ogonshoto # 7:HERING.” Cerpen ini mengisahkan sebuah dongeng tentang burung-burung hering hodoh pemakan bangkai. Burung-burung ini dipercayai sebagai penjelmaan roh-roh para raja, bangsawan dan penguasa yang zalim. Apabila malam menjelang, burung-burung ini akan terbang ke pintu neraka dan mengetuk-ngetuknya, untuk memohon agar mereka di reinkarnasi menjadi haiwan kesayangan manusia. Namun permintaan mereka ditolak dan diarah pulang semula ke bumi sebelum matahari terbit. Dongeng ini dicipta sebagai alegori pembalasan terhadap kezaliman seperti yang dilakukan oleh politikus muda.

## **Kesimpulan**

Cerpen-cerpen Anwar Ridhwan memperlihatkan perkembangan dari yang realistik kepada yang simbolik. Pengarang juga memperlihatkan gaya penyampaian yang istimewa, bahasa yang padat dan teliti, serta dihiasi dengan unsur-unsur puisi. Pengaruh tradisi seperti kisah-kisah lama nyata menjadi kekuatan beliau. Sebagai pengarang yang banyak



mengembara, kisah-kisah yang berlaku di luar negara telah diangkat dan diletakkan dalam dimensi yang lebih luas kerana makna kemanusiaan yang dipersoalkan merentasi waktu, bangsa dan negara. Pencapaian kreativiti Anwar Ridhwan dalam menghasilkan cerpen meletakkannya sebagai satu jalur besar dalam sejarah perkembangan cerpen.



# DRAMA

## **Pengenalan**

Selain novel dan cerpen, Anwar Ridhwan juga memperlihatkan keistimewaannya dalam penulisan drama terutama dari segi tema dan tekniknya. Beliau membawa khalayak ke dalam dinamika kekuasaan, kepimpinan dan identiti. Pendekatan yang digunakan oleh beliau yang jelas bersudut pascakolonial berhasil membuahkan drama yang hebat dan sarat dengan renungan. Teknik persembahannya pula cukup sesuai dan berkesan untuk membawa gagasan intelektualnya. Teknik yang bersifat eksperimental ini digunakan dengan tujuan yang jelas dan diperkaya pula dengan intertekstualiti yang membayangkan pembacaan pengarang yang luas.

Pada dasarnya, drama Anwar Ridhwan menggalakkan para khalayak supaya sama –sama berfikir dan menilai semula beberapa isu penting seperti jati diri dan bangsa, serta peranan dan hak sosiopolitik setiap insan sebagai warganegara, walau di mana pun dia bermastautin. Beliau juga sangat teruja oleh penerokaan jati diri, psikologi dan rohaniah protagonisnya. Pendek kata, drama beliau menyorot selok-belok kewujudan manusia sebagai ‘haiwan politik’ dan juga sebagai insan penuh emosi, naluri dan nafsu, iaitu insan yang kompleks. Drama Anwar Ridhwan memanasifasikan pendapat E.M. Forster bahawa, “Baik dan buruk di padang kehidupan dunia terjalin



rapat dalam perkembangannya.” (Good and Evil in the field of the world grow up inseparably). Penilaian dibuat terhadap tiga buah drama beliau, *Orang-orang Kecil, Yang Menjelma dan Menghilang*, dan *Pulang*.

### **Tema**

Bermula dengan tanggapan bahawa manusia ialah insan yang kompleks dengan psikik yang boleh diibaratkan sebagai sebuah lautan yang amat dalam, Anwar Ridhwan meneroka peranan pemimpin dan mereka yang dipimpin. Dalam drama *Orang-orang Kecil* yang bersifat alegorikal, beliau menggarap berbagai-bagai persoalan, daripada kepemimpinan dan pewarganegaraan sehinggalah kepada soal metafizik tentang nasib manusia yang terperangkap dalam kitaran sejarah, dan terutamanya hal-hal yang menyentuh kejahatan. Anwar Ridhwan menelusuri liku-liku hidup pemimpin dan rakyat yang tinggal di dalam sebuah rumah warisan yang berkamar empat belas. Walaupun drama ini dikaitkan dengan situasi sosiopolitik tempatan, namun persoalannya merentas batasan negara sehingga dapat membawa makna tentang nasib manusia sejagat.

Dalam drama ini, nasib politik manusia diibaratkan sebagai sebuah permainan judi. Adegan awalnya memaparkan sebuah senario penghuni lelaki rumah warisan sedang asyik berjudi. Daun terup mereka terjatuh apabila mereka terkejut. Pengarang menjadikan permainan judi sebagai lambang nasib pemimpin dan rakyat. Tidak ada manusia, sama ada yang berkuasa atau yang ditindas, memiliki kemahiran untuk meramalkan masa depannya. Rancangan manusia, walau betapa rapi dan tersusun pun boleh gagal lantas membawa kesan yang tidak dijangkakan. Nasib inilah yang menimpa watak Doktor, tuan rumah warisan itu. Beliau terpaksa menghadapi beban menguruskan penghuni rumah itu.

Setiap pemimpin baharu terpaksa memikul beban dan juga cabaran yang ditinggalkan oleh pentadbiran sebelumnya. Permasalahan ini diungkapkan melalui simbol konflik yang



dihadapi oleh Doktor yang terpaksa memikul beban untuk menguruskan kedatangan seorang wanita, Si-Jelita yang mengandung tanpa suami, dan melahirkan “anak haram” yang cacat, iaitu tidak memiliki tubuh yang lengkap. Namun beban Doktor itu terlerai setelah watak lain, Lelaki II, mengaku bahawa dialah bapa kepada bayi itu, dan rela bertanggungjawab. Bayi itu dibawa ke pedalaman untuk dijaga oleh penduduk di sana. Drama ini mencabar pemikiran penonton dan menggalakkan pembaca memecah beberapa persoalan: Apakah setiap kali kepemimpinan berganti, rahsia lama perlu disimpan rapi? Apakah rakyat (orang-orang kecil) terpaksa mengikut perintah kerana mereka tidak mempunyai pilihan lain?

Anak haram itu terpaksa dibawa jauh daripada pusat kuasa dan disembunyikan. Ia menjadi tanggungan orang-orang kecil, iaitu rakyat biasa, yang akan menerima apa sahaja bebanan jika diarahkan oleh pihak berkuasa. Wanita I menerangkan dengan jelas maksud perhubungan antara Doktor dengan rakyat: “Apa saja ubat diberikan, kita menerimanya. Kita yang sakit, tidak mungkin membantah. Dalam proses itu, sang Doktorlah penentunya”. Dialog yang bersifat satira ini berkolokasi dengan makna yang harfiah dan tersirat iaitu hubungan antara pemimpin dengan yang dipimpin. Kepekaan Anwar Ridhwan mendalami konflik ini telah mendedahkan kelemahan atau ketidakupayaan rakyat tatkala berhadapan dengan sebuah kekuasaan. Mereka jadi pasif, tunduk kepada perintah tanpa bantahan atau soalan. Malah mereka rela mengaku bahawa diri mereka yang “sakit”, dan bukan sistem politik itu yang bermasalah. Kita diingatkan dengan amanat pejuang kemerdekaan Filipina, Jose Rizal, yang pernah berkata, “*There are no dictators if there are no slaves*” yang bermaksud diktator tidak mungkin berjaya jika rakyat tidak pasif dan enggan diperhamba.

Penelitian Anwar Ridhwan tentang kuasa dan kepimpinan bertambah kompleks dalam *Yang Menjelma dan Menghilang* (1992). Pergelutan kuasa beberapa pemimpin untuk mengekalkan kuasa mereka dimainkan bukan sahaja di



dunia ini tetapi juga di kayangan. Naskah drama ini digarap dalam bentuk dan wajah eksperimental yang amat baharu, dengan menjalinkan beberapa dimensi latar masa dan tempat sehingga mencapai kesan hibriditi. Kesan hibriditi dilihat sebagai mendasari identiti manusia yang kian berubah dan kompleks. Usaha pengarang untuk meneliti pelbagai persoalan seperti perasaan terugat seseorang pemimpin apabila dicabar, hasrat untuk membalas dendam dan menghapuskan persaingan telah dikemukakan dengan teknik yang berlapis-lapis dan menerusi jalinan aksi. Dengan teknik sedemikian khalayak diuja menyeberangi ruang tempat dan ruang masa dengan melintasi batasan-batasan drama realistik.

Drama *Yang Menjelma dan Menghilang* diolah dengan menggunakan tiga lapisan dramatik. Pertama, Pentas 1 yang memperlihatkan dunia nyata sebuah pulau kecil, tempat watak Lelaki 1, iaitu pemimpin yang tercampak keluar dari kapal terbang dalam suatu kemalangan. Pengarang menggambarkan bahawa nahas kapal terbang ini akibat daripada campur tangan manusia yang ingin menghapuskan rejim Lelaki 1 itu. Pentas 2 pula mempersembahkan pergelutan kuasa di kayangan apabila Sang Rajuna mencabar kuasa Betara Guru. Sementara itu, Pentas 3 menyentuh peristiwa yang berlaku dalam latar masa kini yang berlaku di sebuah republik moden. *Yang Menjelma dan Menghilang* memberikan khalayak menanggapi wawasan segar tentang naluri manusia yang tamak kuasa. Walau bagaimanapun drama ini menyarankan bahawa walaupun ciri kemanusiaan hampir pupus dalam kalangan pemimpin namun dalam kalangan rakyat, ciri kemanusiaan tersebut masih segar.

Drama pendek beliau, yang berjudul *Pulang*, sebenarnya ialah sebuah sketsa, tetapi membawa lapisan makna yang rumit. Hubungan antara pemimpin dan mereka yang dipimpin diteroka melalui peristiwa dan watak pada suatu zaman yang penting yang berlaku dalam sejarah Malaysia, iaitu dekad-dekad menjelang kemerdekaan. Tajuk drama ini, membawa pelbagai konotasi dan membayangkan pemikiran pengarangnya





yang luas. Cerita permukaannya mengisahkan seorang bekas pegawai kolonial, Tuan Campbell, yang terpaksa pulang ke England, menjelang kemerdekaan negara Malaya. Sementara itu, Rustam seorang nasionalis muda yang ghairah menentang penjajah Inggeris, juga “pulang” ke kampung halamannya, daripada penahanannya di penjara akibat menentang Inggeris. Namun makna “pulang” ini lebih kompleks daripada makna yang harfiah itu, kerana identiti bangsa Melayu belum “dipulangkan” kepada rakyatnya akibat lama dijajah sehingga terlupa warisan, jati diri dan maruah bangsanya sendiri. Walaupun teraju kerajaan Tanah Melayu akan dipulangkan kepada pemimpin tempatan, semangat kenegaraan masih belum tumbuh atau merimbun.

Anwar Ridhwan menunjukkan bahawa rakyat tempatan belum yakin tentang identiti mereka sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka. Maruah dan sikap bangga bangsa dan negara belum “dipulangkan” atau, lebih tepat lagi, belum dipentingkan oleh warga negaranya.

Dengan berani dan jujur, Anwar Ridhwan mendedahkan sikap sekumpulan rakyat tempatan yang tidak taat setia kepada negara yang akan didirikan selepas merdeka. Malah mereka belum yakin tentang identiti bangsa dan nilai-nilai budaya ini. Mandur lombong kepunyaan pengusaha kolonial yang terpaksa berundur, misalnya, lebih suka dipanggil “Jacob” dan bukan “Yaakub”. Yaakub bercita-cita untuk berhijrah ke England dan terus bermastautin di sana. Dia menyatakan hasratnya kepada Campbell: “Kalau boleh tuan saya nak kahwin dengan gadis Inggeris. Saya sedang kumpul duit, tuan. . . Saya nak belayar ke England, tuan. Saya sudah berutus-utus surat dengan persatuan kelasi Melayu di Clapton, London, tuan” (hlm. 293). Anwar Ridhwan juga menunjukkan bahawa watak Rustam ingin membina sebuah konsep kenegaraan dan identiti yang berdasarkan sempadan politik. Namun pada tahun 1950-an, masih ramai yang bersikap seperti Yaakub, lantas sempadan politik tidak menjadi hal yang terlalu penting.



## **Kepentingan Watak-watak Wanita**

Anwar Ridhwan sangat peka dalam usahanya mengetengahkan watak-watak wanita dalam dramanya. Wanita memainkan peranan penting dalam setiap drama beliau, bukan sahaja sebagai simbol tetapi juga sebagai penggerak aksi drama. Dalam *Pulang*, watak Azizah dilukiskan dengan baik. Wanita ini mewakili golongan yang berpendidikan menjelang tahun 1957 dan memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat kebangsaan. Anwar Ridhwan menyentuh ceramah Khadijah Sidek dan Ibu Zain yang membangkitkan semangat Azizah. Azizahlah yang menggalakkan Rustam memimpin bekas pekerja lombong serta penduduk kampung supaya bangun menentang penjajah serta mengembalikan jati diri bangsa mereka.

Drama *Orang-orang Kecil* pula menonjolkan seorang watak wanita bernama Si-Jelita. Jika dilihat sepintas lalu dia cuma seorang tukang urut yang dinoda dan dianiaya sehingga mengandung. Namun begitu, wanita seperti Si-Jelita bukan sekadar mangsa atau penggoda tetapi menjadi lambang ketabahan. Si-Jelita tidak menggugurkan kandungannya atau membuang bayinya walaupun bayi yang dilahirkan itu begitu aneh dan menakutkan. Akhirnya, Si-Jelita terpaksa menyerahkan anak itu kepada watak yang bernama Lelaki II yang sanggup mengaku bahawa dialah bapa kepada anak itu. Si-Jelita sendiri menjadi isteri kepada Tuan Doktor, pemimpin baharu rumah warisan berkamar empat belas itu. Adakah ini bermakna Anwar Ridhwan telah mengembalikan Si-Jelita kepada mangsa atau menjadi objek yang dipermainkan oleh kaum lelaki yang berkuasa? Sedangkan perkembangan watak Si-Jelita tetap ambivalen, lantas memberi pelbagai konotasi. Dari satu sisi, Si-Jelita terperangkap dalam arus sejarah dan genggamannya lelaki. Dari sisi yang lain pula, dia akan terus hidup berbekalkan kejelitannya untuk terus “berkuasa” kerana itulah satu-satunya cara yang ada padanya. Dalam drama ini, ada juga seorang watak wanita lain yang penting, iaitu Wanita



I. Dialah saluran pengarang untuk mengarang satira terhadap kuasa dan pemerintahan. Mengikut Wanita I, rakyat tidak ada pilihan. Justeru, mereka menelan apa sahaja jenis “ubat” yang diberikan kepada mereka oleh Doktor. Nada sinis Wanita I dicantumkan dan diperkuat dengan pernyataan Korus untuk menyindir dan mengkritik para pemimpin yang rasuah.

Dalam *Yang Menjelma dan Menghilang*, watak wanita menjadi simbol kejelitaan di dunia, mahupun di kayangan. Sikap setiap watak wanita ini berbeza-beza, ada yang mengejar kuasa, lantas mereka bersubahat dengan kaum lelaki untuk merancang penghapusan sesuatu rejim dan pemusnahan pemimpin melalui wang dan seks. Ada pula watak kontras seperti Isteri yang bersama-sama suaminya menghuni pulau kecil. Mereka sanggup menolong Lelaki I selepas nahas kapal terbang. Watak Isteri juga dilukiskan sebagai wanita yang membawa tradisi lisan pulau itu kerana dialah yang membentangkan sejarah lisan pulau itu kepada khalayak. Dengan cara begini, Anwar Ridhwan menunjukkan kepentingan para ibu sebagai penerus tradisi lisan dan mewariskannya kepada anak-anak mereka. Wanita moden dalam drama *Yang Menjelma dan Menghilang* diwakili juga oleh seorang wartawan perempuan yang menulis laporan tentang nahas kapal terbang dan keadaan pemimpin yang terbabit dalam nahas tersebut. Apakah wanita begini juga diselitkan dalam propaganda politik? Inilah antara pelbagai persoalan tentang kuasa dan tanggungjawab yang dilontarkan oleh Anwar Ridhwan kepada khalayak.

### **Teknik dan Strategi Dramatik**

Teknik dan strategi dramatik Anwar Ridhwan melibatkan beberapa aspek seperti penggunaan unsur-unsur tradisional untuk mengulas situasi mutakhir, rujukan (alusi) kepada teks lain yang dapat dibaca sebagai sejenis intertekstualiti dan penggunaan latar serta *prop* untuk membekaskan kesan-kesan eksperimental yang segar. Gerak-geri watak, topeng dan busana istimewa juga memainkan peranan dalam memperkaya



persoalan dan pementasan drama. Justeru, dimensi realisme sosial diletakkan sejajar dengan dimensi mimpi dan fantasi, untuk mengupas lapisan dalaman watak dan kepelbagaian sudut makna persoalan.

Pengarang menggunakan unsur tradisional dalam *Pulang*, misalnya dongeng perigi sakti yang terletak berhampiran dengan lombong yang dimiliki oleh penjajah Inggeris. Rujukan kepada dongeng ini merencamkan makna temanya. Menurut dramatis, manusia sejak dari dulu lagi, mengembara mencari kuasa dan kekayaan seperti yang dilakukan oleh pelayar Cina. Pahlawan Melayu yang menghapuskan para pengawal Puteri Cina kerana mereka membazirkan air perigi, seolah-olah menjadi utusan alam yang menghukum pembazir. Namun begitu, Pahlawan Melayu juga menunjukkan keinginan untuk menguasai orang lain dengan mengahwini Puteri Cina itu. Persoalan penukaran identiti kerana dipaksa melintasi batasan kaum dan budaya diberikan ruang di sini dan tidak semestinya dilakukan dengan sukarela. Walaupun Anwar Ridhwan tidak merakam bantahan Puteri Cina, namun dongeng itu diteruskan dengan berita bahawa jed yang ditemui di perigi itu berbintik merah, yang dipercayai melambangkan titisan darah puteri itu. Wanita I dalam drama *Orang-orang Kecil* mengatakan bahawa “Kepala kita ini dibesarkan oleh dongengan.”

Drama *Orang-orang Kecil* merujuk kepada mimpi yang menghantui Si-Doktor sebelum beliau mengambil alih kuasa rumah warisan. Kandungan mimpi itu bertujuan untuk memberi kesan alienasi, seperti yang berlaku dalam drama Brecht. Teknik sebegini memaksa penonton berfikir dan bertanya.

Selain itu, *Yang Menjelma dan Menghilang* juga diperkaya dengan pendedahan lapisan dalaman watak Lelaki I. Lapisan psikologi ini dilakonkan oleh pelakon-pelakon lain yang sebahagiannya berlagak sebagai tokoh daripada mitologi Jawa. Antara arketaip yang dipetik oleh dramatis ialah Betara Guru, Sang Rajuna, dan Semar. Namun, Anwar Ridhwan tidak



setakat memetik, beliau juga merubah tabiat dan konotasi arketaip berkenaan, bersesuaian dengan persoalan kuasa. Betara Guru, misalnya tidak menjadi lambang kebaikan, kebijaksanaan atau keadilan, seperti mana dalam mitologi Sanskrit. Dalam drama Anwar Ridhwan, Betara Guru dikaitkan dengan ciri-ciri negatif seperti kerakusan dan sikap berdendam. Dalam drama *Yang Menjelma dan Menghilang*, watak-watak di kayangan mahu pun di bumi sama saja, mereka bersama-sama mengejar kuasa. Lantas, penyamaran, transformasi, “bersalin rupa” untuk menegaskan bahawa penyakit menyemu dan memperdaya rakyat berlaku di mana-mana saja.

### **Rujukan dan Alusi: Sejenis Intertekstualiti**

Drama Anwar Ridhwan banyak merujuk pada teks berbilang budaya. Rujukan begini menggalakkan perbandingan dan pembezaan antara berbagai-bagai budaya. Beliau tidak was-was dalam memilih unsur daripada budaya Barat yang mungkin dianggap “bahaya” oleh segelintir penontonnya. Dalam drama *Orang-orang Kecil*, pemikiran eksistensial dirujuk, terutama melalui baris-baris tertentu dalam ucapan Korus yang menyentuh nasib manusia yang tercampak ke dalam kewujudan pada titik kelahirannya, sebuah gema daripada Soren Kierkegaard, Martin Heidegger dan tokoh eksistensialisme yang lain, yang pernah menyimpulkan bahawa; “Man is thrown into existence”. Dalam drama *Orang-orang Kecil*, watak pemimpin dan mereka yang dipimpin seolah-olah terperangkap dalam suatu kitaran sejarah. Korus yang cuma digelar “MEREKA”, bergerak dalam bulatan yang memerangkap manusia kerana mereka tidak mungkin bebas daripada bundaran itu.

Masa bergerak terus, arus sejarah mengalir seperti mana disuarakan pengarang: “Tidak ada sesiapa pun dapat menyekat kedatangan sebuah pagi baru.” Kata Korus, kelahiran semacam “melontarkan anak ke dunia sebam.” Hidup ini seolah-olah suatu hukuman, seperti yang ditanggung oleh Sisyphus, tokoh daripada mitos Yunani yang terpaksa menolak sebuah



batu besar *ke puncak* bukit setiap hari, dan setiap malam batu itu akan bergolek ke bawah - satu hukuman *absurd* yang dikenakan oleh dewa ke atasnya. Anwar Ridhwan menangkap nada absurd dalam kewujudan manusia melalui watak Si-Jelita yang mengatakan: “Pernahkah tuan mendengar, orang yang mengelilingi sebuah bulatan dari dalam? Dia bergerak dalam lingkaran itu sehingga akhir hayatnya.”

Selain pemikiran eksistensialis ini, Anwar Ridhwan juga merujuk pada cerita Mercado, oleh Italo Calvino. Dalam cerita ini, Mercado ialah watak aneh yang memiliki tubuh yang terpisah-pisah, sehingga sebelahnyanya menuju ke arah yang baik dan sebelah lagi mengejar kekuasaan dan kekejaman. Dalam drama *Orang-orang Kecil*, anak haram Si-Jelita dikatakan dilahirkan cacat kerana tubuhnya tidak lengkap. Manusia biasa bukan wali; lantas, sama ada mereka berkuasa atau tidak, mereka mempunyai psike yang terumbang-ambing di antara kedua-duanya, kerana kebaikan selalu bersaing dengan keburukan. Manusia seperti Mercado dalam cerita Calvino itu memburu suatu cantuman yang boleh mengimbangkan kebaikan dan keburukan, suatu gabungan yang amat sukar untuk ditemui. Nafsu manusialah yang menjejaskan keseimbangan ini. Manusia mengharapkan cantuman yang dapat membawanya kepada kesihatan akal dan ketenangan. Seperti manusia juga, sebuah negara boleh dipecahbelahkan sekiranya para pemimpin bertindak semacam tubuh badan yang tidak lengkap, iaitu mereka cuma menggerakkan bahagian yang jahat tanpa mengimbangkannya dengan yang baik.

Dalam *Yang Menjelma dan Menghilang*, pengarang lebih mementingkan unsur tradisional, namun, insiden watak Lelaki I tercampak dari kapal terbang juga membawa sudut pandangan pemikiran eksistensialisme, hanya sudut ini dicantumkan dengan rujukan kepada mitologi Jawa. Kehadiran wartawan wanita yang ingin membuat liputan tentang nahas kapal terbang itu ialah rujukan Anwar Ridhwan kepada pengaruh penting surat khabar dalam medan sosiopolitik masa kini. Tidak ada mana-mana kumpulan rakyat di mana-mana negara yang terlepas daripada pengaruh media massa.



## **Kesimpulan**

Drama Anwar Ridhwan menangani pelbagai isu: identiti pemimpin dan rakyat, tanggungjawab rakyat dalam sebuah demokrasi, peranan wanita, dan pengaruh warisan tradisional yang tidak kurang pentingnya dalam pembinaan identiti bangsa dan negara. Isu-isu sebegini dipentaskan dengan pemikiran yang tajam oleh seorang dramatis yang ternyata suka membaca karya daripada pelbagai budaya. Persoalan sosiopolitik beliau diletakkan sejajar dengan psikologi manusia yang dalamnya seperti lautan. Untuk menerokai insan kompleks ini, Anwar Ridhwan memberanikan diri untuk bereksperimen dan pada masa yang sama mencabar kebolehan pengarah untuk mementaskan drama beliau yang sangat inovatif ini. Pereka set dan pelakon diberikan peluang yang sama untuk memperlihatkan daya kreativiti dan membuat tafsiran.

Sekiranya drama Anwar Ridhwan diarah dengan baik, maka khalayak akan menikmati wawasan yang segar dan canggih tentang manusia sebagai “haiwan politik” dan juga sebagai insan yang psikik. Wanita tidak dilupai, malah dilukiskan sebagai watak yang memainkan beberapa peranan penting dalam arena sosiopolitik. Pendek kata, drama Anwar Ridhwan mencabar para penonton, pengarah drama dan pelakon serta pembacanya kerana Anwar Ridhwan ingin memupuk pemikiran pembacanya. Berbeza dengan karya hiburan tulen, drama Anwar Ridhwan sengaja menggunakan kesan alienasi, seperti yang diamalkan oleh Brecht, demi menggalakkan renungan semula terhadap isu-isu penting, yang dijadikan oleh pengarang sebagai bahagian penting dalam dramanya.



## NOVEL

### **Pengenalan**

Sehingga kini, Anwar Ridhwan telah menghasilkan sebanyak empat buah novel: *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979); *Arus* (1985); *Di Negeri Belalang* (1989); dan *Naratif Ogonshoto* (2001). Walaupun dari segi kuantiti, jumlah ini agak kecil, tapi dari segi kualiti mutu karyanya jelas mampu meraih pengiktirafan tempatan dan antarabangsa - novel-novelnya telah memenangi beberapa hadiah sastera di dalam dan di luar negara. Kemenangan ini bermakna bahawa novel-novel tersebut telah melalui proses saringan dan penilaian yang rapi sebelum diiktiraf sebagai karya sastera yang bermutu. Selain itu, novel-novel ini juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia dan pernah juga diadaptasikan untuk siaran TV dan teater.

Mengikuti Anwar Ridhwan, bentuk karyanya yang terawal ialah cerpen dan puisi. “Saya bergerak ke genre ketiga sebagai perkembangan daripada cerita pendek. Novel memberikan kita wadah yang lebih lumayan untuk mengekspresikan sesuatu; jadi lebih banyak perenungan, penceritaan dan pemikiran boleh dijalin di dalamnya”.

### **Keistimewaan novel Anwar Ridhwan**

Sesungguhnya novel menawarkan kanvas yang lebih besar,





dapat dipenuhi dengan kehidupan yang lebih rumit dan renungan tentang kehidupan yang memberi makna khusus genre ini. Novel beliau istimewa dan selalu meraih hadiah dan anugerah. Misalnya, novel sulung Anwar Ridhwan, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), memenangi hadiah pertama Sayembara Mengarang Novel anjuran Gapena-Yayasan Sabah dan kini sudah pun diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Urdu, Jepun dan Perancis. Karya ini juga turut diadaptasi ke dalam bentuk skrip drama yang kemudiannya dipentaskan sebanyak 14 kali di Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak dan Singapura, sekitar tahun 1980-an.

Sementara itu novel keduanya *Arus*, telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia tahun 1985/86 dan diterjemahkan ke bahasa Perancis dan bahasa Thai. Karya ini juga telah diadaptasikan untuk drama TV. Novel keempatnya *Naratif Ogonshoto* berjaya mengaut dua hadiah utama dalam tempoh dua tahun dengan memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (2001), dan Hadiah MASTERA (2002), iaitu anugerah yang diberikan oleh Majlis Sastera Asia Tenggara. *Naratif Ogonshoto* telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan bahasa Rusia.

Keistimewaan novel-novel Anwar Ridhwan bukan sahaja terletak pada pemilihan tema tetapi juga pada cara pengolahannya, yang menggunakan teknik naratif yang dapat dianggap sebagai unik dan luar biasa. Persoalan yang cuba dibawa oleh keempat-empat novel ini berlegar pada isu-isu semasa yang juga dibawa oleh pengarang terkenal seperti Keris Mas dan Mustapha Kamal Yasin. Tema kepupusan budaya dan tradisi didramakan oleh watak tragis penglipur lara dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, dan kehidupan yang tersisih watak pawang buaya dalam *Arus*. Inilah persoalan penting pada zaman berlakunya pertembungan antara cara hidup lama dengan yang baharu.

Begitu juga dengan tema penjajahan yang terjalin dalam karya *Di Negara Belalang*. Dalam salah sebuah episodnya, seorang askar Jepun telah merogol wanita Melayu, dan dalam



sebuah lagi episod, seorang wanita Hiroshima mengandung akibat perhubungannya dengan lelaki Amerika. Terdapat juga kisah cara hidup keluarga Melayu yang telah dipengaruhi oleh majikan Amerikanya. Tema kepimpinan yang korup, seperti yang jelas kelihatan dalam *Naratif Ogonshoto*, juga menjadi isu utama yang hangat diperdebatkan dalam tahun 1980-an. Pemilihan tema-tema ini menunjukkan betapa dekatnya pengarang dengan pergolakan sosiopolitik yang berlaku di sekelilingnya.

Namun begitu, kehebatan novel-novel Anwar Ridhwan sebenarnya terletak pada kekuatan gaya dan teknik naratifnya yang bersifat inovatif, eksperimental dan mencabar intelek pembaca, serta kekuatan bahasanya yang puitis, segar dan sarat dengan pelbagai metafora, imejan, dan lambang.

### **Naratif Ogonshoto**

Puncak kecemerlangan kepengarangan Anwar Ridhwan terlukis dalam novelnya yang keempat, *Naratif Ogonshoto*. Novel ini merupakan karya eksperimen yang matang, dan berjaya menyeberang garis kebiasaan dan klise sastera Melayu. Pada asasnya, novel ini memberi fokus kepada hubungan kepimpinan dan kuasa, hegemoni dan kekejaman. Watak-watak penting seperti Presiden dan penyokong-penyokongnya digambarkan sebagai sangat licik mengatur cara dan mempraktikkan strategi bagi mengekalkan kuasa mereka. Kepulauan Ogonshoto pula menjadi wilayah di mana wujudnya berbagai-bagai masalah manusia - autokrasi, penyelewengan, ekologi, kemiskinan dan lain-lain. Selain itu, kawasan ini juga merupakan wilayah khayalan yang penuh dengan peristiwa ajaib yang menyamarkan batas antara realiti dan fantasi, antara yang mungkin dan yang mustahil. Dengan lokasi yang separa-nyata dan separa-samar, sebuah persoalan tempatan berjaya diberikan makna yang lebih sarwajagat sifatnya, tanpa dibatasi sempadan politik atau geografi tertentu.

Dalam karya eksperimental ini, plot biasa yang bersifat linear digantikan dengan peristiwa yang tidak mengikut



susunan kronologi, sehingga pembaca terpaksa menyusun sendiri babak-babak yang dihasilkan oleh pengarang. Contohnya, Bab 4 yang mengisahkan usaha pemerintah untuk membawa ais semasa musim kemarau, pada mata kasarnya tidak mempunyai kaitan dengan Bab 7, mengenai gadis yang dipaksa oleh ahli politik muda untuk menjadi gundiknya, dan tidak mempunyai kesinambungan dengan Bab 9 yang memerihalkan kisah seorang guru yang mempertaruhkan jari hantunya dalam sebuah permainan meneka tindak tanduk pemerintah. Malah sekiranya dihalusi, semua bab dalam *Naratif Ogonshoto* yang kelihatan mampu berdiri sendiri sebagai cerpen, sebenarnya bercerita tentang perkara yang sama, iaitu kejahatan dan kekejaman Presiden.

Kepelbagaian pendekatan naratif dari sudut pandangan dan pengalaman yang berbeza-beza ini mencerminkan kepelbagaian kehidupan di kepulauan Ogonshoto. Kesatuan cerita diciptakan oleh kesamaan lokasi dan watak Presiden yang membayangi seluruh naratif. Cebisan naratif yang terpisah-pisah ini sebenarnya lebih dekat kepada hakikat kehidupan, berbanding dengan naratif sejarah yang dipaksa bercantum secara tersusun rapi dalam satu kanvas lebar kenyataan. Kesamaran struktur dan naratif memang disengajakan oleh pengarang, seolah-olah padanya, kejelasan naratif tidak penting, atau tidak harus dipentingkan, kerana kejelasan mungkin tidak wujud dalam peristiwa atau hakikat sebenar kehidupan manusia. Malah, ketidakjelasan dan kekaburan maklumat dan fakta dibiarkan terapung dalam novel ini, tanpa diberikan pengesahan dan kepastian oleh pengarangnya sendiri. Lagipun di dunia di mana seorang diktator, seperti watak Presiden, menguasai segala jentera komunikasi, maka saluran yang tidak rasmi yang akan menjadi cara alternatif untuk mendapat maklumat. Justeru, tiada siapa yang dapat mengesahkan kebenaran atau kepalsuan sesuatu pernyataan yang dibuat. Besar kemungkinan mitos kekuasaan seorang diktator ialah ciptaan kita sendiri, berdasarkan informasi yang disediakan. Inilah salah satu teknik pengarang untuk



mendekonstruksi kejelasan dan kepastian sudut pandangan serba tahu dalam novel yang sering kita baca.

Kesemua pendekatan yang disebut ini mempunyai beberapa persamaan dengan teknik realisme magis yang dipopularkan oleh Borges, Carpentier dan Garcia Marquez. Teknik penyamaran dan sistem maklumatnya juga tidak dipastikan oleh fakta, malah dibiarkan terapung bersama-sama wataknya yang hanya digambarkan melalui berita yang didengar atau melalui orang ketiga. Contohnya, imej Presiden dibina oleh pelbagai wacana dari pelbagai perspektif: dari buku biografinya dan segala alat propaganda yang didalangnya, dari sudut pandangan watak-watak lain seperti guru yang memotong jari hantunya atau gadis-gundik yang membinasakan alat kelamin pemerintah selepas kematiannya. Namun, ada juga pemerian yang sangat realistik dan penuh perincian. Dunia Ogoshonto yang padat dengan misteri, ilmu sihir, firasat, mitos dan simbolisme itu masih berakar pada realiti dunia. Apa yang digambarkan ialah sebuah negara yang multi budaya, multi ras dan multi suku. Budaya digaul, direncamkan dan berselirat, seolah-olah ruangnya wujud di bumi nyata. Kesannya ialah ciptaan sebuah dunia yang separa-nyata dan separa-magis.

Pendekatan yang bersifat anti-plot dan anti-struktur ini merupakan usaha pemantapan teknik naratif oleh Anwar Ridhwan, sejak dalam *Di Negeri Belalang* lagi. Novel ketiganya ini menghimpunkan empat kisah berasingan yang dipetik daripada empat cerpen yang telah diterbitkan dalam kumpulan yang berjudul *Sesudah Perang*. Novel ini melanjutkan lagi empat kisah tersebut atas garisan masing-masing, tanpa titik pertemuan antara satu sama lain, kecuali dalam hakikat bahawa penceritaannya dilakukan oleh watak yang sama, yang bernama Manto. Manto telah bertemu dengan watak rekaan tersebut dalam dunia realiti dan kemudiannya menceritakan kisah-kisah mereka kepada “saya”, iaitu narator novel ini. Kesamaran yang meliputi *Naratif Ogoshonto* mungkin bermula dengan teknik naratif yang dimulakan dalam *Di Negeri Belalang*, di mana lapisan cerita yang berbingkai-bingkai menyebabkan



wujudnya ketidakpastian sama ada watak Manto itu wujud di alam nyata atau di alam imaginasi pencerita bingkai pertama, iaitu naratornya.

Teknik penceritaan yang kompleks ini mencabar daya logika pembaca untuk menyusun sendiri serpihan-serpihan yang diberikan, dalam suatu proses penyatuan dan seterusnya pemaknaan. Khalayak tidak lagi disogokkan dengan pengisahan yang mudah dan malas, tetapi terpaksa berfikir di luar kotak kebiasaan, untuk menerima sebuah karya yang menuntut kelainan, dan menerima kemungkinan bahawa ada kalanya permainan teknik lebih penting daripada cerita.

Namun begitu, ini tidak bermakna *Di Negeri Belalang* tidak menyurat dan menyirat petunjuk atau lambang tertentu untuk membantu pembaca mentafsir alir logik naratifnya. Contohnya, ada tanda-tanda awal bahawa persoalan utama novel ini ialah mengenai kesan penjajahan ke atas masyarakat anak negeri. Kisah-kisah yang dipilih untuk dimuatkan ke dalam novel ini sendiri menunjukkan tanda-tanda ini. Kisah pertama ialah mengenai watak lelaki baka bangsa Jepun, iaitu anak kepada wanita Melayu yang telah dirogol oleh seorang askar Jepun. Kisah kedua ialah mengenai seorang wanita Hiroshima yang mengandungi sebuah “bom” akibat perhubungannya dengan lelaki Amerika dari Nevada. Kisah ketiga ialah mengenai seorang anggota polis tempatan yang membakar rumah pasung pada zaman kolonial British. Kisah keempat ialah bagaimana keluarga Melayu meniru secara membuta tuli cara hidup dan budaya Barat yang dibawa oleh majikannya, warga Amerika. Kesimpulannya, hakikat bahawa kesan penjajahan yang paling parah ialah kehilangan jati diri.

Berbanding dengan *Naratif Ogonshoto* dan *Di Negeri Belalang*, kedua-dua novel Anwar Ridhwan yang terdahulu tidak menggunakan teknik naratif yang bersifat terlalu eksperimental. Plot novel pertama, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan novel kedua, *Arus* berjalan di atas landasan realisme dan disusun mengikut kronologi seperti



yang lazimnya. Oleh itu, naratifnya dapat difahami dengan mudah.

*Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* mengisahkan seorang penglipur lara tradisional yang dilanda berbagai-bagai tragedi dalam keluarganya: kematian isterinya, kecacatan akal anak lelakinya, kejadian rogol yang menimpa anak gadisnya, dan hakisan terhadap fungsi seni tradisional dalam sebuah masyarakat yang mula mengalih perhatiannya kepada radio. *Arus* pula membawa kisah permusuhan antara seorang pawang buaya yang berbekalkan puluhan jampi dan manteranya dengan seorang lebai yang mengkafirkannya, serta pertemuan pawang tersebut dengan dua warga kota, iaitu seorang pegawai bank yang korup dan seorang ahli akademik yang anarkis. Kedua-dua watak seni tradisional ini gagal mempertahankan seninya dan akhirnya menemui maut dalam keadaan yang tragik. Jika wujud pun kelainan dari segi tema dengan karya-karya semasa yang lain, mungkin hal ini dimanifestasikan dalam bentuk perjuangan yang sedikit berbeza. Konsep perjuangan yang diutarakan oleh Anwar Ridhwan bukan pergelutan politik, tetapi perjuangan untuk menghidupkan kembali dan memartabatkan budaya tradisional yang mula disisihkan.

Ternyata tema kedua-dua novel awal ini bersumberkan isu-isu sosiobudaya sekitar tahun 1980-an, seperti krisis kepimpinan, skandal bank dan mata wang, isu kafir-mengkafirkan, dan isu kemajuan teknologi yang tidak diimbangi tradisi atau budaya, jati diri dan pengawalan jiwa. Inilah isu-isu semasa yang boleh digunakan sebagai bahan karya mana-mana penulis kreatif, akan tetapi di tangan Anwar Ridhwan, pengolahannya dibuat secara tersirat dan tidak dipaksa-paksa. Contohnya, dalam novel *Arus*, ciri kemodenan yang rakus yang menyelinap masuk ke dalam ruang kehidupan desa dilambangkan dengan kemasukan manusia moden dari kota (watak pegawai bank dan ahli akademik kelulusan luar negara) dengan segala permasalahan kehidupan moden masing-masing. Projek menangkap buaya itu hanyalah satu bentuk pelarian daripada masalah, suatu percubaan



mengubati penyakit manusia moden. Semua persoalan ini tidak dinyatakan oleh pengarang secara eksplisit atau dibincangkan dengan panjang lebar melalui dialog, jauh sekali dengan cara berkhotbah. Dengan cara begini, pengarang mengembalikkan hak mentafsir di tahap abstrak kepada pembaca. Sementara itu, fokusnya tertumpu kepada pengungkapan drama di tahap realistik (pemburuan buaya) dengan segala aksi suspensnya. Di sinilah letaknya kekuatan naratif Anwar Ridhwan.

Kekuatan kepengarangan Anwar Ridhwan yang sama pentingnya ialah penggunaan bahasa yang baik. Tidak ramai pengarang yang begitu tekun mencari dan 'mencipta' bahasa yang sesuai dengan pengalaman baharu, dengan penuh sabar menggeledah khazanah bahasanya yang kaya dan luas, tetapi lebih mudah membenarkan diri mengutip hanya klise yang sudah basi. Berbanding dengan mereka, Anwar Ridhwan sangat peka bahasa dan sering melakukan penyelidikan tentang istilah-istilah tertentu, contohnya mengenai perkapalan yang sudah tidak dihiraukan dalam sastera Melayu dewasa ini. Kesannya, kita dianugerahi kekayaan ini dalam suasana dan lokasi baharu.

Pada umumnya, bahasa Anwar Ridhwan cukup tenang, teratur, terancang dan bersahaja. Kita lihat keghairahan pengarang terletak pada kepengarangannya, bukan kepada perasaan peribadinya yang dilontar ke tengah naratif. Beliau seolah-olah berdiri di luar dan enggan masuk campur dengan perasaan wataknya. Oleh hal yang demikian, kandungan cerita serta bahasanya terkawal, dan pembaca mengikutinya dengan rasa selesa serta sedar bahawa ia tidak akan disimpangkan kepada jalan yang tidak dirancang oleh pengarang.

Akhir kata, novel-novel Anwar Ridhwan, sama ada yang bersifat eksperimental atau konvensional, tidak dapat dibaca dan difahami secara mudah. Karyanya mempunyai sistem makna yang berlapis-lapis, dan menuntut renungan serta pentafsiran yang juga berlapis-lapis. Bahasa yang digunakannya padat dengan irama dan puisi, personifikasi,



lambang dan ciri-ciri abstrak yang kadang-kadang sukar dikecapi rasa dan difahami akal. Usaha mencari makna kadang-kadang berdepan dengan bayang-bayang yang teramat asing dan penuh misteri. Pembaca dibawa melihat permasalahan sosial dan manusiawi dalam satu pencarian intelektual, secara meluas, mendalam dan melepasi sempadan hal-hal peribadi. Pada akhir pencarian itu, pembaca akan merasa puas, faham dan sedar.





# PUISI

## **Pengenalan**

Anwar Ridhwan menghasilkan sebuah kumpulan puisi, *Tercipta Dari Tanah* (1985), yang memuatkan sebanyak 50 buah sajak. Namun, puisi-puisi ini memiliki kekuatan tersendiri yang turut menyumbang dalam memperkukuhkan kedudukannya sebagai seorang sasterawan tanah air yang berjaya. Kekuatan itu khusus terletak pada aspek persoalan yang dipilihnya dan pembentukan kata.

## **Pemilihan Tema**

Puisi Anwar Ridhwan banyak berdasarkan kepada pengalaman atau perjalanan hidup yang pernah dialami oleh penyair, yang berkisar kepada tiga ruang, iaitu situasi kehidupan manusia, situasi kehidupan keluarga, dan situasi kehidupan beragama. Segala apa yang dialami dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat sekelilingnya dilihat oleh penyair sebagai membawa makna yang lebih luas untuk kehidupan manusia sejagat. Ini ditimbulkan terutamanya apabila penyair pernah mengecap kehidupan di luar negara, menerima cabaran untuk turut bergelut dalam kehidupan masyarakat luar yang lebih besar dan kompleks. Kehidupan begini mewarnakan isu atau permasalahan besar yang rata-rata amat universal sifatnya. Isu-isu sebeginilah yang menjadi tumpuan dalam sajak *Tercipta*



*Dari Tanah.* Antara isu yang dipaparkan ialah perdamaian dan persaudaraan, kemajuan dan pembangunan, serta keagamaan. Ketiga-tiganya dilihat sebagai amat penting dan saling berkaitan.

Kehidupan yang aman damai perlu dalam dunia hari ini dan tidak mustahil untuk dicapai dan dinikmati oleh manusia. Kedamaian dunia sejagat akan wujud sekiranya tali persaudaraan dapat dihidupkan dalam kalangan ahli keluarga, antara masyarakat, dan antara sebuah negara dengan negara yang lain. Inilah yang terlihat pada puisi “Poskad Untuk Dua Ananda,” “Di Abdera,” “Poskad Untuk Isteri,” atau “Sebelum Putih Tatkala Putih.” Dalam puisi “Di Abdera” penyair mengutip kata-kata Democritus mengenai persoalan ini, yang berbunyi “manusia itu semuanya bersaudara, tanah air orang yang maju ialah dunia seluruhnya.”

Penyair juga menyuarakan pandangan tentang peranan pemimpin negara besar. Seterusnya, penyair melihat peranan besar yang dimainkan oleh agama dalam mewujudkan kedamaian tersebut; manusia harus disedarkan dengan kewujudan dan kuasa Tuhan yang menjadikan segala makhluk, dan inginkan mereka hidup damai dan sejahtera.

Persoalan ini dikaitkan pula dengan isu kedua, permasalahan kemajuan dan pembangunan manusia sejagat. Kemajuan dan pembangunan harus berlaku pada aspek rohani dan jasmani. Kemajuan yang lebih mengutamakan pembangunan fizikal, atau pembangunan zahir bukanlah kemajuan yang hakiki; di dalamnya masih wujud jenayah, kemiskinan, kebiadaban dan kepura-puraan. Puisi-puisi yang ditulis semasa penyair berada di Amerika Syarikat --- seperti “Riverside Park, Musim Rontok,” dan “Hiss ...!” -- - menegaskan pandangan ini. Kesedaran dan landasan yang berteraskan kepada agama dan kewujudan Tuhan harus menjadi dasar apabila membentuk kemajuan dan pembangunan.

Agama bagi penyair ialah dasar pembentukan jiwa yang luhur dan baik bagi manusia; agama menyedarkan manusia kepada kewujudan Tuhan dan keagungan serta kekuasaan-Nya.



Agama mengajar manusia supaya mengabdikan diri kepada Tuhan, menghormati makhluk lain dan seterusnya memelihara dan memakmurkan alam yang dijadikan-Nya. Agama juga dapat mendorong manusia hidup dalam kedamaian, dan membina kemajuan, zahir dan batinnya. Inilah yang terjalin dalam sajak-sajak “Sejadah,” “Lembar Daun,” “Perpisahan,” “NUK,” “November 18–20, 1985,” “Post-mortem,” atau “Lorong Di Belakang Rumahku, 1950-an.”

### **Pembentukan Bahasa Puisi**

Pemilihan tema yang indah dan besar ini terungkap pula dalam suatu corak kata yang bersesuaian dan berkesan. Ini dapat dilihat pada susunan kalimat setiap puisinya. Ada kepelbagaian dalam penyusunan baris-baris tersebut; ada yang pendek dan ada yang panjang. Baris pendek digunakan untuk penegasan, manakala baris panjang dibentuk untuk memberikan penjelasan atau penerangan. Gaya Anwar Ridhwan memperlihatkan penghematan dan kepadatan di samping menyampaikan maknanya. Penghematan dan penyesuaian juga terlihat pada cara penyair memilih kata-kata dalam membina sajak-sajaknya itu; kata-kata yang paling sesuai dan berfungsi sahaja diambil untuk mengolah isi dan maksud sajak, biarpun kata-kata itu terdiri daripada kata-kata biasa yang ditemui dalam kehidupan harian; malah inilah bentuk kata-kata yang paling banyak digunakan. Kata-katanya mudah tetapi tersusun indah. Selain daripada itu, pemilihan kata-kata begini juga dapat menyesuaikan corak nada yang mewarnai puisinya, terutamanya nada penegasan, rayuan, marah dan sindiran.

Anwar Ridhwan tidak mengutamakan kehadiran rima dan unsur-unsur keindahan luaran yang lain; sebaliknya, beliau lebih memberatkan soal ketegasan dan kemanfaatan isi. Dengan demikian, banyak puisinya yang mengambil bentuk naratif untuk tujuan memenuhi maksud tersebut, seperti yang dapat dilihat pada sajak-sajak “Sejadah,” “Keseorangan,” “Budak Kesayangan,” “Palma Tangan, Tubuhku,” “Darah, Mbeling dan Khabar,” “Hiss ...!,” dan “Post-mortem.”



Daya kreativiti dalam penulisan cereka Anwar Ridhwan ternyata banyak mewarnakan puisinya ini; namun, sama sekali tidak menjejaskan kualiti karya tersebut, malah lebih terasa indah dan wajar kerana bersesuaian dengan persoalan yang hendak disampaikan. Yang jelas, Anwar Ridhwan amat berbakat dalam penulisan puisinya.

### **Kesimpulan**

Beberapa hal yang menarik dapat ditegaskan dalam hubungan antara penulisan puisi dengan bakat penulisan Anwar Ridhwan. Bakat yang besar hadir dalam baris-baris puisinya; beliau mahir memilih tema-tema besar dan bermakna, dan mengungkapkannya dalam bentuk bahasa yang indah serta berfungsi penuh. Susunan kalimatnya sangat hemat, tapi di sebaliknya mampu mewujudkan lambang-lambang yang segar dan tepat. Anwar Ridhwan turut memanfaatkan bakat besarnya dalam bidang penulisan cereka untuk menjayakan puisinya, termasuk menggunakan teknik naratif.



## KRITIKAN DAN ESEI

Walaupun lebih terkenal sebagai pengarang kreatif kerana cerpen dan novelnya yang inovatif, Anwar Ridhwan tidak pernah memutuskan hubungannya dengan dunia akademik sejak tahun 1971. Beliau berjaya memperoleh ijazah, dan kini menjadi Dekan di Jabatan Penulisan di ASWARA. Beliau juga harus mendekati dunia penulisan kreatif dari sudut akademik dan pedagogi. Selama tiga dekad, Anwar Ridhwan terlibat dalam dunia majalah bahasa dan sastera, terutama *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera*, sebagai penulis makalah dan editor.

